

MAHATHIR-UMNO.

1983

ALOR SETAR, 25 DIS. (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SUNGGUHPUN UMNO BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN ORANG-ORANG MELAYU PARTI ITU JUGA MENGAMBIL KIRA KEMAJUAN LAIN-LAIN KAUM DI NEGARA INI.

UMNO SEBAGAI WADAH POLITIK PENTING JUGA MENYEDARI AKAN MASIH WUJUDNYA JURANG PERBEZAAN EKONOMI ANTARA BUMIPUTERA DENGAN BUKAN BUMIPUTERA.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN UMNO BAHAGIAN JERAI DI GUAR CEMPEDAK, 32 KM DARI SINI PETANG INI.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA PERJUANGAN UMNO HENDAKLAH DITERUSKAN DENGAN PENUH SEMANGAT BAGI PEMBANGUNAN DAN BUKAN HANYA UNTUK MUSIM-MUSIM PILIHANRAYA SAHAJA.

KATANYA SEBARANG KEJAYAAN TIDAK AKAN DICAPAI TANPA USAHA SENDIRI ATAU HANYA MENUNGGU BANTUAN DARIPADA KERAJAAN SAHAJA.

DALAM USAHA ITU KATANYA RAKYAT PERLU LAH MENYESUAIKAN DIRI DAN MENERIMA CARA-CARA BARU DI BIDANG PERUSAHAAN PERTANIAN DAN SEBAGAI-

NYA. -- LAGI 1930/MB

ICZC B532

MAHATHIR - UMNO 2 ALOR SETAR

SUNGGUHPUN BEGITU KERAJAAN TIDAK MENGABAIKAN DALAM USAHA MEMBANTU PETANI-PETANI DAN PENANAM-PENANAM GETAH UNTUK MENINGGIKAN PENDAPATAN MEREKA.

KATANYA KERAJAAN MEMBELANJAKAN \$300 JUTA UNTUK MEMBINA PENGAIRAN DI KAWASAN-KAWASAN TANAMAN PADI DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA SEKARANG.

BELIAU YAKIN JIKA PENANAM PADI DIUSAHAKAN DENGAN CARA YANG EKONOMIK SEPerti SAWAH BERKELOMPOK, DAYA PENGELUARANNYA AKAN DAPAT DITINGKATKAN.

MENGENAI MASALAH PINDAAN PERLEMBAGAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA MERUPAKAN SATU HIKMAT SUPAYA RAKYAT SEDAR AKAN PENTINGNYA SEMANGAT PERJUANGAN DAN PERPADUAN.

BELIAU GEMBIRA KERANA SELURUH RAKYAT TELAH MENUNJUKKAN SEMANGAT PERJUANGAN YANG TINGGI SEHINGGA KERAJAAN DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH ITU DENGAN JAYANYA. -- LAGI 1935/MB

MAHATHIR - UMNO 3 ALOR SETAR

PERDANA MENTERI DAN DATUK SERI DATIN PADUKA SITI HASMAH DIBERI SAMBUTAN TRADISI MELAYU SETIBANYA DI GUAR CEMPEDAK DAN DIARAK KE PERKARANGAN BANGUNAN UMNO OLEH PEMBAWA BUNGA MANGGAR.

KETUA PEMUDA BAHAGIAN, ENCIK ABDUL RAZAK HAJI HUSSEIN KEMUDIAN MENGETUAI KIRA-KIRA 2,000 ANGGOTA UMNO BAHAGIAN MELAFAZKAN IKRAR TAAT SETIA KEPADA KEPIMPINAN PARTI DAN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MEMOTONG PULUT KUNING SEMPENA ULANGTAHUNNYA YANG KE-58 PADA 20 DIS.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH KETUA UMNO BAHAGIAN JERAI, DATUK HAJI ABDULLAH ISMAIL DAN PEMIMPIN PARTI NEGERI DAN BAHAGIAN. -- BERNAMA 1940/MB